



SIARAN MEDIA CABUTAN BERTUAH BAGI PENDAFTARAN BIL DIGITAL CUKAI TAKSIRAN 2021

1. Majlis Perbandaran Selayang (MPS) akan mengadakan majlis cabutan bertuah untuk pemegang harta yang telah mendaftar dan mengemaskini maklumat bagi menerima bil digital cukai taksiran MPS. Pertukaran kepada bil digital cukai taksiran ini akan menghentikan sepenuhnya cetakan bil kertas secara pos bermula tahun 2021 selaras dengan usaha MPS untuk menyokong aspirasi kerajaan Negeri Selangor sebagai sebuah *Smart State* selain memudahkan urusan orang ramai.
2. Bagi memastikan pemilik harta mengemaskini maklumat untuk penerimaan bil digital ini, MPS telah melancarkan satu program cabutan bertuah di mana pemegang cukai yang mendaftar dan mengemaskini maklumat di digitalbil.mps.gov.my layak untuk menyertai cabutan bertuah yang diadakan.
3. Untuk makluman, sebanyak 36,157 pegangan atau pemilik telah mengemaskini maklumat sebelum 31 Oktober 2020 dan berpeluang untuk memenangi hadiah cabutan bertuah yang ditawarkan. Sebanyak lapan belas (18) telefon pintar disediakan untuk acara cabutan yang akan dibuat secara langsung menerusi *Facebook live MPS* serentak dengan Pelancaran Kempen Daftar, Bayar Dan Menang Cukai Taksiran 2021 dan Pelancaran Aplikasi MyMPS.
4. Oleh itu, MPS ingin mengajak orang ramai untuk bersama-sama menyaksikan secara langsung majlis pelancaran dan cabutan bertuah yang akan berlangsung pada 21 Disember 2020, Isnin pada jam 3.00 petang. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Hasil, Jabatan Perbendaharaan di talian 03-6126 5800 atau layari atau layari www.mps.gov.my.

#TAMAT#

**Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Perhubungan Awam, Jabatan Korporat**

**B.P Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang**

16 Disember 2020